

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Tan Kok Wai [Cheras]

TARIKH : 8 Mac 2016 (Selasa)

SOALAN : Tuan Tan Kok Wai minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah bilangan import makanan dan keadaan pengeluaran makanan di negara ini bagi tahun 2014 dan 2015. Sejauh manakah pencapaian matlamat Dasar Agromakanan Negara khususnya dalam memastikan bekalan makanan adalah terjamin, mencukupi dan boleh didapati dengan harga yang berpatutan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah import makanan pada 2014 dan 2015 adalah seperti mana berikut:

Komoditi Makanan	2014		2015	
	(MT '000)	(RM '000)	(MT '000) ¹	(RM '000)
Beras*	863.4	1,447,000	960.8	1,814,000
Buah-buahan	732.8	2,321,578	-	3,181,854
Sayur-sayuran	1,454.2	3,175,021	-	4,480,709
Daging lembu/kerbau	164.6	1,851,059	-	2,205,515
Daging bebiri/kambing	31.2	497,599	-	521,793

* data BERNAS

¹ Data bagi kuantiti import bagi tahun 2015 belum dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Sementara itu, jumlah pengeluaran makanan di negara ini bagi tahun 2014 dan 2015 adalah seperti berikut:

Komoditi Makanan	2014 (MT '000)	2015 ^e (MT '000)
Beras	1,838	2,143
Buah-buahan	1,621	1,685
Sayur-sayuran	1,453	1,594
Daging lembu/kerbau	52 ^p	50
Daging bebiri/kambing	4.5 ^p	4.4
Daging ayam/itik	1,496 ^p	1.526

e – anggaran, p – sementara

Secara keseluruhan, Dasar Agromakanan Negara (DAN) yang digubal bagi tempoh 2011 – 2020 telah mencapai matlamatnya dalam menjamin bekalan makanan yang mencukupi dengan harga yang berpatutan.

Antara indikator kejayaan ini adalah dengan pencapaian pengeluaran beberapa komoditi terpilih seperti berikut:

KOMODITI	2010	2014	Purata Kadar Pertumbuhan (%)
Beras	1,588	1,838	3.72
TANAMAN ('000 MT)	5,008	5,994	4.60
Padi	2,465	2,849	3.69
Buah-buahan	1,642	1,622	-0.31
Sayur-sayuran	867	1,453	13.78
Herba & Rempah-ratus	34	70	19.79
PERIKANAN ('000 MT)	2,015	1,986	-0.36
Perikanan Marin	1,429	1,458	0.50
Akuakultur	581	521	-2.69
Perikanan Darat	5	7	8.78
TERNAKAN ('000 MT)	1,935	2,270	4.07
Daging Lembu/Kerbau	47	52	2.56
Daging Kambing/Bebiri	2	5	25.74
Daging Ayam/Itik	1,296	1,496	3.65
Telur Ayam/Itik	590	717	4.99

e – data anggaran